



PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 2 TAHUN 2025

**PENAMBAHBAIKAN STRUKTUR ORGANISASI DAN TADBIR URUS UNIVERSITI
MALAYSIA TERENGGANU (UMT) TAHUN 2025**

Tujuan

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penambahbaikan struktur organisasi dan tadbir urus UMT tahun 2025.

Latar Belakang

2. Sebagai sebuah universiti yang dinamik dan berdaya saing, UMT perlu memastikan struktur organisasi dan fungsinya yang menjadi asas kepada tadbir urus yang cemerlang sentiasa dikemas kini dan relevan dengan keperluan semasa.

Penambahbaikan Struktur Organisasi dan Tadbir Urus UMT

3. Selaras dengan perkembangan semasa Universiti serta tuntutan keperluan pelbagai pihak dan pemegang taruh, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah bersetuju meluluskan penubuhan dan penjenamaan semula pusat tanggungjawab (PTj) berikut:
 - a) **Fakulti Sains Makanan dan Agroteknologi** (FSMA) atau *Faculty of Food Science and Agrotechnology*; dan
 - b) **Fakulti Sains Perikanan dan Akuakultur** (FSPA) atau *Faculty of Fisheries and Aquaculture Sciences*.
4. Kedua-dua PTj ini adalah PTj Tier 1 di bawah portfolio Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).
5. Carta organisasi terkini UMT adalah seperti di **Lampiran 1**.

Tarikh Kuat Kuasa

6. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa pada **1 Ogos 2025**. Sehubungan itu, seluruh warga UMT dimohon untuk mengambil maklum mengenai penambahbaikan struktur organisasi dan tadbir urus UMT tersebut.

"KEBERSAMAAN UMT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


TS WAN ABDUL MANAN BIN WAN ABDULLAH
Pendaftar
Universiti Malaysia Terengganu

CARTA ORGANISASI – UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Tarikh Kemas kini : 1 Ogos 2025

LAMPIRAN 1

